

# UIAM promosi perbankan Islam

Oleh WAN RAHIMAH DRAMAN  
>> Gambar HARUN OSMAN

**SISTEM** perbankan Islam bukan lagi perkara asing bagi umat Islam Malaysia. Namun, operasinya masih gagal menembusi sistem konvensional yang berkonsepkan faedah atau riba dan subahat dalam operasinya secara sempurna.

Kebanyakan institusi kewangan konvensional di Malaysia peka dengan sistem kewangan Islam apabila mereka mula mengguna pakai beberapa istilah mengikut syariah.

Penggunaan istilah dalam perkhidmatan perbankan seperti *Mudharabah*, *Murabahah*, *Bai Inah*, *Al-Ijarah*, *Bon Islam*, *Al-Bai Bithaman Ajil*, *Ar-Rahnu* dan *Takaful* sebagai simbol operasi perniagaan kewangan mengikut syariah semakin meluas.

Namun pelaksanaan operasi yang menepati sistem kewangan Islam mengikut syariah yang dijalankan masih menjadi persoalan.

## Berbeza

Sebabnya, operasi sistem perbankan Islam dan konvensional terlalu jauh berbeza terutama objektif penubuhan, di mana Islam berkonsepkan agama dan keuntungan yang berlandaskan prinsip perkongsian pulangan serta risiko (bersama kongsi risiko) antara pihak bank dan pelabur (peserta) yang bebas sebarang unsur perjudian (*maisir*) dan ketidakpastian (*gharar*).

Sedangkan konvensional bermatlamat memaksimumkan keuntungan semata-mata. Iaitu atas dasar perniagaan wang yang berasaskan riba dan sarat dengan unsur perjudian serta *gharar* dengan ribanya dinyatakan sama ada dalam bentuk tetap atau apungan pada kadar tertentu.

Akibat kelemahan dan tanggungjawab serta mengelak kegiatan memanipulasikan sistem perbankan dan kewangan Islam oleh pengusaha konvensional dalam industri ini, Institut Perbankan dan Kewangan Islam (IIBF) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) mengadakan Persidangan Perbankan dan Kewangan Islam Antarabangsa (IICiBF) di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Rektor UIAM, Prof. Datuk Dr. Syed Arabi Idid berkata, sistem perbankan Islam adalah agen pengembangan ekonomi unamah yang perlu direalisasikan perlaksanaannya melalui perubahan dan promosi menyekurik.

"Operasinya mesti dimulakan dalam semua institusi perbankan dan kewangan Islam ke peringkat global," katanya ketika merasmikan persidangan tiga hari itu.



DR. SYED ARABI IDID

Oleh itu tambah beliau, UIAM melalui IIBF bertanggungjawab menjelaskan tanggungjawab yang perlu direalisasikan agar ia benar-benar menepati tuntutan syariah dan difahami semua.

Persidangan kali kedua sejak IIBF UIAM ditubuhkan Januari 2005 lalu disertai oleh 180 peserta dari kalangan penyelidik dan pengusaha sistem kewangan, perbankan dan institusi kewangan Islam dari seluruh dunia.

Dengan tema 'Penyelidikan dan pembangunan; Jambatan Kepada Realiti dan Ideal', persidangan kali ini mengundang lebih 50 orang panel terdiri daripada ahli akademik, penyelidik dan pakar serta tokoh utama dalam industri perbankan dan kewangan Islam di Asia, Timur Tengah dan Eropah.

Sebanyak 51 kertas kerja dan wacana secara ilmiah dibincangkan oleh ahli panel untuk didedah dan dikongsi bersama para peserta.

Kata Syed Arabi Idid, untuk merealisasikan operasi sistem kewangan dan perbankan Islam bagi tempoh terdekat, pihak universiti (bahagian perbankan Islam) dan industri kewangan perlu memainkan peranan yang seiring.

"Persidangan ini antara usaha bagi merealisasikan konsep sebenar industri kewangan Islam seperti yang dituntut oleh syariah," katanya.

Antara ahli panel yang turut berkongsi ilmu, kajian dan pengalaman masing-masing kali ini termasuklah Setiausaha Agung, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam Antarabangsa, Profesor Dr. Rifat Alkned Abdul Karim dan Presiden Institut Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia, Dr. Mohd. Daud Bakar.

Turut menyumbang idea dan ca-



SEBAHAGIAN peserta Persidangan Perbankan dan Kewangan Islam Antarabangsa (IICiBF) anjuran UIAM di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

dangan ialah dari Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa Profesor Dr. Saiful Azhar Rosly, Dr. Habiba Saif Salem Rashde Al-Shamisi dan Dr. Belal Abdul Mutalib Badawy dari Universiti Emiriah Arab Bersatu.

Panel lain ialah Dr. Mehmet Asutay, Profesor Rodney Wilson, Dr. Obaid Saif Hamad Ali Al Zaabi dan Dr. Mahmet Asutay dari Universiti Durham, United Kingdom, Dr. Rima Turk Ariss dari Universiti Amerika di Lebanon, Dr. Shamim Ahmad Siddiqui dari Universiti Brunei Darussalam, Dr. Kamran Nadri dari Universiti Imam Sadiq di Iran, Profesor Madya Dr. Seif E. Ibrahim Tag El-Din dari Institut Markfield, United Kingdom, Profesor Madya Dr. Muhammad Akhyar Adnan dari Universiti Islam Indonesia, Profesor M. Shahid Ebrahim dari Universiti Nottingham United Kingdom.

Panel Malaysia termasuklah Dr. Aznan Hasan, Profesor Madya Dr. Engku Rabiah Adawiah Engkau Ali dari UIAM, Profesor Dr. Shamser Mohamad dan Dr. Taufiq Hassan dari Universiti Putra Malaysia, Profesor Dr. Muhammad Muda (Universiti Sains Islam Malaysia), Profesor Madya Dr. Omar Samat (Universiti Teknologi Mara), Profesor Dr. Abd Ghafar Ismail (Universiti Kebangsaan Malaysia) dan Dr. Magda Ismael Abdul Mohsin (Kolej Islam Antarabangsa Malaysia).

(tibi) n